

Kerajaan tak rayu keputusan Pemberian Khas

Tindakan tiada kaitan dengan PRN Sabah

Status kerajaan Sabah sebagai 'caretaker' tak halang rundingan

Oleh Mahani Ishak dan Muhammad Yusuf Muzamir
bhnews@bh.com.my

Bangi: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tindakan Kerajaan Persekutuan memutuskan tidak merayu keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu berhubung Pemberian Khas berdasarkan 40 peratus hasil dari Sabah tiada kaitan dengan Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN17) Sabah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil tindakan sewajarnya melalui berbelas kali mesyuarat yang dipengeruskannya dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

"Keputusan itu adalah kolektif (bersama) melalui berbelas kali mesyuarat dengan saya sendiri dipengeruskannya serta juga

dipengerusikan Fadillah di Kuching, Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur.

"Tidak (bukan kerana PRN Sabah) kerana kami menerima (keputusan), maksud saya terdapat beberapa isu berkaitan penghakiman itu. Maksud saya, kalau kita tidak mengambil tindakan atau mengadakan mesyuarat. Saya sendiri yang mempengeruskannya," katanya selepas menyempurnakan Konvensyen Pengajian Islam Institut Pengajian Tinggi (IPT) Antarabangsa 2025, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Dalam kenyataan sebelum ini, Jabatan Peguam Negara (AGC) memaklumkan Kerajaan Persekutuan tidak akan memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi mengenai Pemberian Khas berdasarkan 40 peratus hasil dari Sabah, sebaliknya akan memulakan rundingan segera bersama kerajaan negeri berkenaan.

AGC turut memaklumkan, nasihat undang-undang diberikan kepada Jemaah Menteri berkaitan kecacatan dalam alasan penghakiman Mahkamah Tinggi, antara lain penghakiman didakwa



Anwar menyaksikan penyerahan replika cek sumbangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada Konvensyen Pengajian Islam Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa 2025 di UKM, semalam. (Foto BERNAMA)

mengandungi tuduhan berat terhadap Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sabah, termasuk dakwaan bahawa kedua-dua pihak menyalahgunakan kuasa dan melanggar kewajipan perlembagaan sejak 1974.

Alasan penghakiman juga menyatakan bahawa kajian semula selepas 2021 adalah menyalahi undang-undang, tidak rasional, terdapat ketidakaturan prosedur dan tidak berkadaran.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan memutuskan untuk merayu terhadap kecacatan dalam alasan penghakiman, walaupun tidak memfailkan rayuan terhadap keputusan keseluruhan.

Terdahulu dalam ucapannya, Anwar menegaskan kerajaan akan memulangkan hak Sabah seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), termasuk tuntutan 40 peratus hasil negeri itu tanpa sebarang pertikaian.

"Tidak salah Sabah merasakan hak mereka dalam perjanjian

MA63 mesti dikembalikan. Maka saya ambil keputusan mudah, tidak mahu gaduh-gaduh, kita pulangkan apa yang menjadi hak mereka, kita cari hasil sedaya upaya, jangan memporak-perandakan negara," katanya.

Runding perihal teknikal

Sementara itu, pada sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam, Perdana Menteri berkata, status kerajaan Sabah sebagai 'caretaker' atau kerajaan sementara ketika ini tidak menghalang rundingan berkaitan Pemberian Khas itu diadakan bersama Kerajaan Persekutuan.

Sehubungan itu, beliau berkata, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican sudah mengutus surat kepada Setiausaha Kerajaan Sabah, Datuk Seri Safar Utong bagi tujuan itu, semalam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, rundingan berkenaan akan dibuat bagi perihal teknikal dan perkara berbangkit, sementara menunggu pembentu-

kan kerajaan negeri yang baharu sesuai PRN Sabah kelak.

"Kerajaan Persekutuan tidak mahu dianggap melengah-lengahkan (rundingan). Proses ini sudah berjalan. Sekarang sekurang-kurangnya Johan (sudah) menulis kepada Safar, mengatakan boleh mula runding soal teknikal termasuk perkara yang disebut dalam penghakiman.

"Kemudian dalam jawatankuasa teknikal tentunya dibincangkan untuk rujuk kepada Menteri Kewangan, Ketua Menteri dan Jemaah Menteri, tentunya tunggu sehingga selesai PRN dan kerajaan baharu dibentuk. Namun, saya tidak fikir ia (PRN Sabah) menghalang perbincangan teknikal terlebih dahulu untuk memudahkan perundingan," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengingatkan proses rundingan atau penyelesaian masalah mahupun pertikaian yang timbul dalam isu Pemberian Khas perlu dibuat berpaksikan semangat kesatuan dan perpaduan sebagai sebuah negara.